PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.
Tingkat 3, 5, & 6,
Blok B, Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

Tel. : 09-512 6800
Fax. : 09-513 4839
Email : pkn@pahang.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : PERB.PHG.BPP 600-1/3/2/1JLD.4(213)

Tarikh : 18 September 2026

SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

YB Dato' Sri/Sahibus Samahah Prof. Dato' Dr./YAA Dato'/YB Dato' Indera/
YH Tok Muda Dato'/YH Dato'/ /Tuan/Puan,

PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS BANTUAN KHAS KEWANGAN DAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2026 KEPADA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI /PERSEKUTUAN YANG BERKHIDMAT DI BAWAH KERAJAAN NEGERI PAHANG

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas dan surat MOF.700-3/1/809 JLD.3 (S)(17) bertarikh 20 April 2026 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967, YB Menteri Kewangan bersetuju meluluskan pengecualian cukai pendapatan ke atas **Bantuan Khas Kewangan (BKK) termasuk Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2026** kepada **Perkhidmatan Awam Negeri**, **terhad sehingga RM1,000 yang dibayar dalam tahun 2026 sahaja.** Bayaran BKK dan BKKA yang selebihnya adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

3. Pengecualian cukai pendapatan ini adalah selaras dengan bayaran BKK dan BKKA yang telah diterima oleh Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi tahun 2026. Pengecualian ini juga diberikan secara *one-off* bagi tahun 2026 sahaja dan hanya terpakai kepada penjawat awam Gred 15 dan ke bawah (setara Gred 56 dan ke bawah) yang merupakan lantikan di bawah Perkhidmatan Awam Negeri.

4. Sehubungan itu, dimajukan perkara ini untuk perhatian YB Dato' Sri/Sahibus Samahah Prof. Dato' Dr./YAA Dato'/YB Dato' Indera/YH Tok Muda Dato'/YH Dato'/ tuan/puan selanjutnya.

Kerjasama dan perhatian YB Dato' Sri/Sahibus Samahah Prof. Dato' Dr./YAA Dato'/YB Dato' Indera/YH Tok Muda Dato'/YH Dato'/tuan/puan berhubung perkara tersebut amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NOORISMA BINTI NOOR ADNAN C.A.(M)**)**
Akauntan Negeri
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Pahang Darul Makmur